

016-Halangan Bertutur Bahasa Arab di Kelas dalam Kalangan Pelajar IPT

***Nurul Amalia binti Ruslan**

Politeknik Sultan Idris Shah

*E-mel: nurulAmalia@psis.edu.my

Norhafizah binti Abd Kadir

Politeknik Sultan Idris Shah

E-mel: norhafizah.ak@psis.edu.my

Mohd Rusdan bin Hasan

Politeknik Sultan Idris Shah

E-mel: mohdrusdan@psis.edu.my

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bukanlah perkara asing dalam sistem Pendidikan Malaysia kerana penggunaannya sebagai bahasa kedua dipelajari sejak dari peringkat rendah persekolahan sehinggalah ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Penguasaan bertutur asas bahasa Arab merupakan isu utama dalam pengajaran dan pembelajaran Kursus Bahasa Arab. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti halangan bertutur di kelas dalam kalangan pelajar IPT. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kajian-kajian lepas berkaitan halangan yang dihadapi pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab. Hasil dapatan menunjukkan bahawa punca utama berlaku halangan tersebut adalah kerana kekurangan perbendaharaan kata semasa bertutur serta kurangnya motivasi dan keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Kata kunci: Halangan bertutur, bahasa Arab, pelajar politeknik

PENDAHULUAN

Pada masa kini bahasa Arab sudah menjadi salah satu bahasa utama dunia setanding dengan bahasa-bahasa utama yang lain. Oleh yang demikian, tidak hairanlah mengapa bahasa Arab kini dianggap sebagai bahasa kedua setanding bahasa Inggeris. Bahasa Arab juga merupakan bahasa perdagangan, perhubungan antarabangsa, politik dan ilmu pengetahuan bagi masyarakat dunia kini. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bukanlah perkara asing dalam sistem Pendidikan Malaysia kerana penggunaannya sebagai bahasa kedua dipelajari sejak dari peringkat rendah persekolahan sehinggalah ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kurikulum bahasa Arab yang telah dibangunkan di negara ini adalah untuk memenuhi keperluan para penuntut ilmu di semua peringkat pendidikan di seluruh negara seperti yang didapati pada hari ini (Ku Azizan et al., 2014). Secara umumnya, objektif utama kurikulum bahasa Arab diperkenalkan di Malaysia adalah untuk membolehkan pelajar membina dan



menguasai empat kemahiran bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis (Ismail et al., 2011). Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM, 2016) juga telah menetapkan objektif bagi pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran bahasa Arab ialah untuk menghasilkan pelajar yang boleh bertutur dalam pelbagai konteks dan situasi dengan sebutan yang lancar. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berhasrat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai daya kecekapan komunikatif hasil daripada pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah selama beberapa tahun. Di peringkat institusi pengajian tinggi pula, program Ijazah Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua dan Ijazah Bahasa Arab untuk Tujuan Akademik turut ditawarkan kepada pelajar yang berminat untuk mendalami bahasa ini di peringkat yang lebih tinggi. (MQA, 2019).

Walaupun pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah dipelajari sejak dari peringkat rendah persekolahan namun isu permasalahan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab seringkali di perbincangkan dalam kalangan tenaga pengajar bahasa Arab. Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar di Malaysia dalam bertutur menggunakan bahasa Arab. Masalah yang berlaku bukan hanya di sekolah, malah kajian yang dilakukan di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPTA) juga mendapati pelajar tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik terutama kemahiran mendengar (Rahimi, 2003). Oleh itu, pengkaji ingin memberi fokus kepada kemahiran lain iaitu kemahiran bertutur bahasa Arab di dalam kelas dalam kalangan pelajar IPT. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada aspek mengenal pasti halangan serta permasalahan yang dihadapi pelajar IPT yang mengambil Kursus Bahasa Arab untuk bertutur bahasa Arab di dalam kelas.

KAJIAN LITERATUR

Permasalahan Bertutur Dalam Bahasa Arab

Kajian ini menggunakan metodologi kajian perpustakaan, iaitu kajian yang tidak melibatkan aktiviti di lapangan. Metodologi ini merupakan kaedah yang digunakan untuk mencari bahan yang pelbagai berkaitan tajuk. Metodologi yang dijalankan ini sebagaimana menurut Noramirah dan Wan Mohd Khairul (2017), ia melibatkan analisis dokumen. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan. Berdasarkan tajuk, pengkaji mencari maklumat berkaitan halangan pelajar IPT untuk menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab. Maklumat diperolehi melalui pelbagai sumber, iaitu secara atas talian dan pembacaan buku serta artikel.

Para sarjana lalu yang mengkaji berkaitan permasalahan dalam mempelajari bahasa Arab telah mendapati bahawa kekurangan kosa kata merupakan salah satu permasalahan utama pelajar sukar untuk menguasai bahasa ini (Abdul Razif et al., 2019). Masalah kekurangan kosa kata bukan sahaja menghalang seseorang pelajar untuk mencapai prestasi yang baik dalam pembelajaran, malah ia juga menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai kemahiran berbahasa yang meliputi empat kemahiran utama, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menurut Azani et al. (2012), empat kriteria utama yang dijadikan sandaran bagi menganalisis masalah pelajar serta tahap penglibatan mereka semasa bertutur dalam bahasa



Arab antaranya kosa kata, fonetik, struktur dan strategi komunikasi. Berbeza dengan bahasa Inggeris kerana masalah yang sering dihadapi pelajar untuk bertutur adalah kosa kata disamping tatabahasa dan sebutan (Tanveer, 2017). Pendek kata, kekurangan kosa kata dan kesalahan struktur bahasa adalah masalah utama yang menyebabkan pelajar tidak dapat menyampaikan pandangan mereka dengan jelas kepada pendengar (Ashinida, 2012).

Kesalahan struktur bahasa atau penggunaan tatabahasa menyebabkan para pelajar menghadapi permasalahan untuk bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing (Tanveer, 2007). Antara kesalahan struktur bahasa yang sering dilakukan oleh pelajar semasa bertutur dalam bahasa Arab iaitu penggunaan yang salah bagi istilah idhafah, kata tunjuk, kata kerja, subjek dan predikat, kata nama am dan nama khas serta kesalahan morfologi (Azani et al., 2012). Kesalahan struktur bahasa ini mungkin adalah disebabkan oleh kekurangan pengetahuan tentang penggunaan sesuatu prosedur tatabahasa atau pun morfologi dalam bahasa Arab. Penutur mungkin tidak menyedari kesalahan ini kerana mereka kurang mengambil berat tentang penggunaan perkataan atau ayat bahasa Arab yang digunakan.

Menurut Naimah dan Aini (2005), walaupun pelajar menerima pembelajaran secara formal pada peringkat sekolah, namun mereka masih lagi menghadapi masalah untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab yang telah dipelajari. Ab. Halim (2007) pula menjelaskan bahawa penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar lepasan IPTA yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik. Selain itu, halangan lain yang dihadapi oleh pelajar adalah kurangnya motivasi dan keyakinan untuk bertutur dalam bahasa Arab (Ab. Halim, 2009; Nadwah & Nadhilah, 2014). Dapatan kajian Mohd Salikin et al., 2021 menyatakan bahawa perasaan malu untuk bercakap dalam bahasa Arab samada dalam kelas mahupun di luar kelas mendorong kepada kelemahan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab dengan baik.

Permasalahan Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar IPT

Secara umumnya, permasalahan bertutur dalam bahasa Arab melibatkan banyak halangan di antaranya ialah bunyi bising, fizikal, semantik, teknik mengajar, halangan psiko-sosial dan penguasaan bahasa yang lemah (Lucas et al., 2018) Namun, menurut Ziyad & Saini (2017) masalah bertutur dalam bahasa arab akan menjadi lebih baik sekiranya pensyarah atau guru komited dalam mengaplikasikan bahasa arab dalam kelas dengan menjadikan situasi penggunaan ayat bahasa arab lebih baik tanpa membuat penterjemahan. Kajian ini juga disokong dengan kajian Azlin ariffin & Muhamad Suhaimi (2020) menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara penguasaan bahasa arab dengan teknik pengajaran pensyarah atau guru supaya tidak membosankan dan menarik minat pelajar. Oleh itu, kajian ini akan menghimpunkan halangan-halangan yang menjadi kekangan pelajar untuk bertutur bahasa arab dalam bilik darjah.

Selain dari permasalahan dari pensyarah terdapat juga punca permasalahan dari pelajar. Menurut Muhammad Najib et. al (2018) antara sebab halangan pelajar tidak bertutur bahasa Arab ialah kerana perasaan malu dan takut untuk melakukan kesalahan dalam komunikasi bahasa Arab. Tambahan pengkaji, pelajar perempuan lebih mempunyai keyakinan yang tinggi



dalam bertutur bahasa Arab berbanding pelajar lelaki. Dalam kemahiran bahasa Arab dalam kelas terbahagi kepada 3 bahagian iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (Ku fatahiyah et al, 2014). Dalam kajian ini menfokuskan permasalahan bertutur dalam Bahasa Arab yang kurang dibincangkan kerana pertuturan memerlukan keberanian yang sangat tinggi.

Permasalahan bertutur di IPTA bukan sahaja dalam bahasa Arab, malah bahasa lain. Menurut Azman & Goh (2010) masalah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di IPTA ialah masalah nahu arab dan minat yang kurang mendalam dalam mempelajari bahasa Arab. Selain itu, menurut Zawawi (2010) bahasa Arab kurang di adaptasi dalam kalangan pelajar IPTA kerana merasakan bahasa asing tidak perlu digunakan dalam masyarakat secara meluas kerana bukan bahasa masyarakat di Malaysia. Namun, terdapat pandangan positif dalam mempelajari bahasa Arab apabila kajian Kamarul Shukri et al (2009) menyatakan bahawa tujuan belajar bahasa Arab dalam matlamat agama akan digunakan apabila ingin memahami al-quran.

HALANGAN BERTUTUR DALAM BAHASA ARAB DI DALAM KELAS

1. Kekurangan Perbendaharaan Kata dan Kosa Kata

Berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana berkaitan pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar, didapati bahawa permasalahan dalam pembelajaran adalah berpunca daripada kekurangan perbendaharaan kata untuk bertutur dalam bahasa Arab. Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi ke-4, perbendaharaan kata bermaksud keseluruhan kata-kata Melayu manakala kosa kata bermaksud keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa yakni perbendaharaan kata. Justeru, kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud yang sama. Mahmud Kamil (1985) menyatakan bahawa antara aspek yang perlu diberi penekanan dalam kemahiran bertutur atau berkomunikasi dalam bahasa Arab ialah aspek sebutan, perbendaharaan kata dan kaedah tatabahasa. Hal ini kerana kesalahan dalam sebutan kebiasaannya berlaku kepada para pelajar bahasa kedua atau bahasa asing kerana dipengaruhi oleh bahasa ibunda. (Kamaruddin Hj Hussin ,1999) Menurut Mat Taib Pa (2008) walaupun pelajar adalah daripada bidang pengkhususan bahasa Arab itu sendiri namun penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar amat lemah. Kenyataan ini selari dengan pendapat Ismail Ibrahim (1994) yang menyatakan kebanyakan mereka lemah dalam menguasai perbendaharaan kata, sintaksis dan gaya bahasa serta morfologi. Justeru, mereka akan hilang keyakinan untuk menuturkan bahasa ini dengan baik.

Menurut Azman & Goh (2010) aspek kekurangan penguasaan kosa kata merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak dapat bertutur dalam bahasa Arab dengan baik seterusnya menghalang proses komunikasi. Gan (2012) juga bersetuju dengan pandangan ini dengan menyatakan bahawa faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak dapat bertutur dengan lancar dan jelas dalam bahasa Arab adalah kerana kerana kekurangan kosa kata bahasa Arab yang menyebabkan terhalangnya proses komunikasi dan mesej gagal disampaikan dengan jelas. Nadwah & Nadhilah (2014) juga sependapat dengan menyatakan bahawa kosa



kata yang terhad dalam bahasa Arab merupakan permasalahan utama yang dihadapi oleh para pelajar ketika melaksanakan tugas seterusnya menjadi sebab utama kekangan kepada penguasaan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab. Hal tersebut akan mengganggu proses komunikasi yang berkesan. Adnan & Muhammad, (2014) serta Hazrati et al (2019) juga berpandangan bahawa kekurangan kosa kata dalam bahasa Arab adalah faktor utama yang menghalang komunikasi yang berkesan dalam bahasa tersebut. Pelajar berasa kecewa, kurang berkeyakinan, malu serta takut jika berlaku kesilapan dalam pertuturan dalam bahasa tersebut (Ashinida, 2012). Oleh yang demikian, kosa kata merupakan antara faktor permasalahan pelajar dalam menguasai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab. (Azani et al 2012)

2. Kurang Motivasi Dan Keyakinan Diri

Faktor kedua yang menjadi penyumbang kepada masalah halangan bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah tahap motivasi pelajar dan keyakinan diri. Istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* yang bermaksud bergerak. Menurut Ainon Mohd, (2003) istilah motivasi memberi makna mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku. Kamus Dewan Edisi Keempat pula mendefinisikan motivasi sebagai keinginan atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk terus berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Justeru, motivasi boleh diertikan sebagai satu dorongan untuk melakukan tindakan bagi tujuan tertentu. Keyakinan pula bermaksud kepercayaan yang tidak berbelah bagi. Keyakinan diri pula ialah kepercayaan bahawa dirinya boleh mengendalikan kehidupannya dengan baik serta segala cabaran yang dihadapi dengan jayanya. Keyakinan diri yang tinggi boleh memberi kesan yang positif kepada pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing. Hal ini dapat dibuktikan dalam kajian yang melibatkan Bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa kedua di mana pelajar yang percaya pada keupayaannya untuk bertutur akan lebih bermotivasi dan bersemangat untuk menzahirkan kebolehannya (Bouchareb, 2010).

Menurut Nadwah & Nadhilah (2014), secara umumnya, pelajar yang bermotivasi tinggi akan lebih berkeyakinan untuk bertutur dalam bahasa Arab kerana mereka akan dapat mengatasi sebarang masalah sewaktu bertutur dengan cara yang pelbagai. Keyakinan yang tinggi dapat membantu pelajar untuk menyampaikan mesej dengan lancar dan berkesan. Walaupun pelajar mempunyai keinginan untuk memperbaiki kemahiran bertutur dalam bahasa kedua, tetapi disebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan, tidak mengetahui cara untuk menyampaikan idea dan pendengar tidak dapat memahami apa yang diperkatakan, maka keinginan tersebut dilupakan. Sikap segelintir pelajar yang mudah berputus asa dan malu dengan kelemahan diri sendiri mengakibatkan mereka berasa rendah diri dan tiada keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa Arab (Ghazali et al., 2010). Ini disokong dengan kajian Ab. Halim (2009) di mana tahap penggunaan bahasa Arab yang rendah dalam kalangan pelajar IPTA dikaitkan dengan masalah dalaman iaitu kurang keyakinan diri apabila pelajar takut dan malu melakukan kesalahan, rasa rendah diri, kurang bersemangat untuk bertutur kerana bimbang ditertawakan oleh rakan. Kesan daripada kurang rasa keyakinan diri serta malu untuk bertutur dalam bahasa Arab menyebabkan para pelajar kurang berinisiatif untuk mempelbagaikan strategi komunikasi yang sesuai bagi menangani masalah yang dihadapi semasa berkomunikasi. Pandangan ini selari dengan kajian Abdullah Hamzah (2017) dan



Aladdin (2012) yang menjelaskan bahawa pelajar berasa malu dan tidak yakin serta bimbang akan dipandang negatif oleh rakan dan juga pensyarah jika terdapat kesilapan semasa bertutur bahasa Arab ketika sesi pembelajaran Justeru, terdapat pelajar yang lebih gemar menggunakan bahasa ibunda sebagai ganti kepada bahasa kedua ataupun mereka mengambil sikap berdiam diri sahaja (Alibakhshi & Padiz, 2011). Kaedah ini tidak banyak membantu pelajar memperbaiki kemahiran bertutur dengan pantas.

Pelajar boleh membina keyakinan diri dengan berfikir secara positif dengan meyakini kebolehan diri sendiri. Manusia akan mempercayai apa yang difikirkannya. Oleh itu, kepercayaan kepada diri sendiri perlu dititik beratkan dalam proses untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.

KESIMPULAN

Penguasaan kemahiran berbahasa Arab sebagai bahasa kedua masih lemah walaupun telah mempelajarinya kerana pelajar bukan penutur jati bahasa Arab. Faktor kelemahan menjadi sebab dan punca kepada kesalahan pelajar dalam bertutur bahasa Arab. Pelajar perlu diberi penekanan dalam kemahiran bertutur bahasa Arab bagi meningkatkan lagi tahap kelancaran berbahasa. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua faktor utama yang menjadi halangan dan permasalahan pelajar IPT untuk bertutur bahasa Arab di dalam kelas antaranya adalah kekurangan perbendaharaan kata dan kosa kata serta kurangnya motivasi dan keyakinan diri pelajar. Berdasarkan hasil kajian ini dapat membantu pelajar serta tenaga pengajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Teknik pengajaran di dalam kelas perlu di susun semula berdasarkan permasalahan agar fokus dan tumpuan dapat diberikan kepada penguasaan kosa kata atau perbendaharaan kata. Penggunaan kaedah dan teknik yang pelbagai dalam pembelajaran bahasa Arab diharap dapat membantu menghasilkan pembelajaran yang lebih interaktif dan berkesan supaya pelajar yakin dan lebih cenderung untuk bertutur dalam bahasa Arab dengan cekap.

RUJUKAN

- Ab. Halim, M. (2009). *Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education, Vol 1(1), 1–14. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hamzah, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah Pauzi, Wan Muhammad Wan Sulong (2017). *Mengapa Guru Pelatih Bimbang Untuk Bertutur Dalam Kelas Bahasa Arab?* Jurnal Kemanusiaan. Serdang: Penerbit UTM Press
- Abdul Razif Zaini & Mohd Zaki Abd Rahman. (2017). *Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Kemahiran Bertutur*. Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah, 4(1), 220-228.
- Adnan bin Mat Ali & Muhammad Firdaus bin Hj Abdul Manaf (2014). *Kekangan Bertutur Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar BASL*. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014).

- Aladdin, A. (2012). *Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan Bahasa Arab*. GEMA Online Journal of Language Studies. Vol.12(2), 645–666
- Alibakhshi, G., & D. Padiz, (2011). *The Effect of Teaching Strategic Competence on speaking Performance of EFL Learners*. Journal of Language Teaching and Research. 2(4), 941-947.
- Al-Naqah, Mahmud Kamil (1985). *Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah Linnatiqina Biha*. Saudi: Universiti Ummul Qura.
- Ashinida Aladdin (2012). *Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi Dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab*. GEMA Online® Journal of Language Teaching and Research. 12(2), 645-666.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). *Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa*. GEMA Online® Journal of Language Studies. Vol 12(1), 325-337.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon (2010). *Panduan Strategi Belajar Bahasa Asing- Khusus Untuk Pelajar-Pelajar Bahasa Mandarin Dan Bahasa Arab*. Shah Alam: Pusat Penerbit Universiti (UPENA) UITM.
- Gan, Z. (2012). *Understanding L2 Speaking Problems: Implications for ESL Curriculum Development in a Teacher Training Institution in Hong Kong*. Australian Journal of Teacher Education. Vol 37(1), 42-59.
- Ismail Ibrahim. (1994). *Pengajian dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn.Bhd
- Ismail, Zawawi, Tamuri, Ab Halim, Nik Yusoff, Nik Mohd Rahimi & Othman, Mohd Ala-Uddin (2011). *Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia*. GEMA Online™ Journal of Language Studies, 11(2): 67-82.
- Kamarudin Hj Husin, (1999). *Pengajaran Lisan: Kemahiran Mendengar dan Bertutur*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ku Azizan, Ku Fatahiyah, Abd Rahman, Awatif & Jamali, Hairun Najuwah (2014). *Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia*. GSE E-Journal of Education, 1(2), 20-32.
- Lucas Kee, Edi Rizal & Chang Vui Seng (2018). *Halangan Dan Gangguan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan pembelajaran Di Bilik Darjah Serta Cara Menangani*. Kolej Komuniti Tawau.
- Mat Taib Pa (2008). *Isu-isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di institut pengajian tinggi*. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Ziyad & Saini Ag. Damit. (2015). *Amalan penggunaan Lughat al-Faṣl dalam kalangan guru bahasa Arab*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015).
- Nadwah Daud, Nadhilah Abdul Pisal (2014). *Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua*. GEMA Online® Journal of Language Studies 117 Volume 14(1)
- Rahimi Said. (2003). *Penggunaan Internet untuk pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca dan menulis bahasa Arab di Universiti*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan UM.
- Tanveer, M. (2007). *Investigation of the factors that cause language anxiety for ESL / EFL*



learners in learning speaking skills and the influence it casts on communication in the target language. Master Thesis: University of Glasgow.